

DEWAN MAJLIS**Khamis, 20 Jamadilakhir 1439/8 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keempat hari Khamis, 20 Jamadilakhir 1439 bersamaan dengan 8 Mac 2018, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 segala puji dan syukur kepada Allah kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, maka kita dapat sekali lagi pada pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan perbincangan-perbincangan kita dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan kita telah pun memasuki hari keempat mesyuarat kita ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semalam, kita telah mula membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Sebelum kita menyambung soalan-soalan seterusnya, saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian bagi memberikan respons terhadap soalan tambahan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai dengan Skim *i-Ready* pada sesi yang kita adakan pada pagi kelmarin.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba/kaola/saya lebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk memberikan penjelasan lanjut kepada soalan tambahan dan saranan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai peluang-peluang mengenai perantis *i-Ready* untuk diberikan latihan atau *training* ke luar negeri.

Pada masa ini, kesemua perantis *i-Ready* menjalankan program perantis mereka di dalam negeri. Walau bagaimanapun, program ini tidak terhad kepada pendedahan di dalam negeri sahaja, malahan program ini mengalukan apa jenis pendedahan pekerjaan dan latihan yang dianggap bersesuaian bagi para graduan sama ada di dalam atau di luar negeri. Salah satu teras utama adalah *coaching*, *mentoring* dan pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar di organisasi yang mengambil graduan *i-Ready* sama ada dari organisasi tempatan mahupun antarabangsa.

Justeru itu, penempatan dan latihan bagi perantis juga boleh dijalankan di luar negeri asal sahaja segala hal-ehwal kebajikan dan keselamatan perantis tersebut terjamin dan dikendalikan sepenuhnya oleh organisasi berkenaan termasuklah penampungan *top-up* gaji dan kemudahan lain yang berpatutan.

Antara peluang atau *internationalization* bagi para graduan *i-Ready* adalah melalui program latihan ataupun penempatan sepenuh masa atau sementara di luar negeri terutamanya bagi syarikat-syarikat antarabangsa atau *multinational companies* yang akan menggunakan pendedahan kepada *corporate culture* dan amalan-amalan terbaik syarikat-syarikat tersebut.

Dalam hal ini pihak Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian juga akan terus bekerjasama dengan organisasi yang berkenaan untuk memberikan kemudahan yang bermanfaat dan *value added* agar mereka akan menjadi lebih *employable* dan *marketable*. Pihak Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian juga akan sentiasa memantau perkara ini bagi memastikan perantis-perantis *i-Ready* akan mendapatkan pengalaman yang substantif dan bermakna.

Terima kasih sekali lagi atas saranan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian jua yang dapat kaola sampaikan mengenai persoalan-

persoalan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Saya kira respons dan juga kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu sudah cukup jelas. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita akan meneruskan dan menyambung semula Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang akan dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Yang mulia Timbalan Jurutulis:

Perkara V. Soalan-soalan Yang Diberi Notis Soalan Mulut daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengiran Haji

Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola ditujukan kepada Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri. الحمد لله , sejak Program Bandarku Ceria yang diadakan pada bulan Oktober 2016 yang lalu, menunjukkan sambutan yang positif di keempat-empat daerah. Apatah lagi setelah Taman Mahkota

Jubli Emas dibuka di Bandar Seri Begawan sedikit sebanyak menarik orang ramai terutama pelancong dari luar negara melawat taman tersebut. Di samping itu, ia juga dapat memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil berjaja di kawasan tersebut.

Malangnya, kesempatan yang diberikan itu telah disalahgunakan yang memberi kesan negatif kepada keindahan Taman Mahkota Jubli Emas tersebut kerana penjaja-penjaja telah membangunkan kem-kem dan pemasangan elektrik menggunakan talian elektrik kerajaan, tali-tali penghalang dan bunga-bunga tanaman telah dirosakkan menyebabkan kawasan itu kotor dengan sampah sarap. Sedangkan taman tersebut sepatutnya sentiasa terjaga keindahannya dan kebersihannya.

Kaola ingin bertanya, apakah perancangan pihak Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri mengenai masalah orang berjaja di kawasan ini yang mengakibatkan keindahan taman terjejas? Adakah sebarang perancangan kementerian ini untuk melarutkan lagi aktiviti peniaga-peniaga sehari (malam) sebelum Program Bandarku Ceria itu diadakan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu

bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Soalan-soalan tersebut memang tepat pada masanya apabila kita pada masa ini sedang membincangkan isu kebersihan dan juga dalam usaha mendukung hasrat menjadikan Bandar Seri Begawan sebuah pusat bandar yang *vibrant*, teratur dan bersih bagi kegunaan orang ramai dan sebagai satu tarikan kepada pelancong-pelancong luar negara.

Seperti yang sama-sama dimaklumi, pada bulan Januari 2018 yang lepas Bandar Seri Begawan telah dipilih menerima *ASEAN Clean City Tourist Standard Award 2018* di Chiang Mai, Thailand. Kriteria penilaian berdasarkan pengurusan alam sekitar, *environmental management*, kebersihan, *waste management* dan *green spaces*. Penganugerahan ini, membuktikan hasil dan komitmen agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan, institusi pengajian, pihak swasta, *NGO's*, individu dan seluruh anggota masyarakat dalam memastikan Bandar Seri Begawan sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat untuk didiami dan dilawati oleh pelancong.

Dengan itu, saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas anugerah yang telah diterima itu. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk memelihara, mengekal dan meningkatkan keterampilan Bandar Seri

Begawan sebagai sebuah bandar yang bersih dan *vibrant* agar industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang bagi menjana ekonomi pengusaha-pengusaha kita di negara ini.

Mengenai Taman Mahkota Jubli Emas, saya ingin mengongsikan bahawa dalam Pelan Mangkin Regenerasi Tebing Sungai Kedayan iaitu projek yang sekarang ini sudah dikenali sebagai Taman Mahkota Jubli Emas memang telah disediakan peruntukan satu kawasan untuk menempatkan beberapa buah tempat berniaga berbentuk kios dan bukannya jenis berjaja.

Adalah diharapkan reka bentuk kios itu diselaraskan dengan keindahan Taman Mahkota Jubli Emas ini. Bagi tujuan ini, tawaran bagi kios *management and sales* bagi taman ini telah pun dibukakan pada 22 Januari 2018 dan ditutup pada 27 Februari 2018. Kita menerima sambutan yang baik. Bila proses tawaran ini selesai, kita berharap mereka yang berjaya akan dapat memulakan perniagaan mereka.

Ini bermakna bahawa tidak ada kawasan khas disediakan dalam rancangan atau dalam Taman Mahkota Jubli Emas untuk berjaja. Pihak Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan memberi peluang peniaga-peniaga berniaga secara berjaja di kawasan dan waktu tertentu sahaja seperti semasa Bandarku Ceria setiap hari Ahad di kawasan Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan kawasan sekitarnya.

Begitulah juga apabila diadakan perayaan-perayaan tertentu. Walau bagaimanapun, seperti yang kita saksikan sekumpulan peniaga/penjaja telah memulakan perniagaan di tempat yang bukan dikhaskan untuk berniaga dalam keadaan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebagai langkah sementara, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan berusaha untuk menempatkan mereka ini di kawasan tertentu untuk berniaga secara sementara sahaja.

Dalam usaha memperkemas perniagaan secara berjaja ini dan sebagai usaha ke arah meningkatkan kesejahteraan orang ramai, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan membuat kajian bagi mengenalkan satu undang-undang kecil di bawah Akta Lembaga Bandaran bagi mengawal penjaja-penjaja dari segi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pengunjung iaitu melalui Lesen Penjaja atau *hawkers license*. Kementerian juga sedang meneroka kaedah-kaedah berniaga lain seperti menggunakan *foodtruck* pada masa akan datang. Ini sebagai satu langkah untuk memastikan kebersihan dan bagi memelihara kesejahteraan dan keselamatan orang ramai.

Sehubungan itu, kita ingin menasihati dan mengingatkan peniaga-peniaga untuk sama-sama menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa baginda menekankan mengenai isu kebersihan

ini. Peniaga-peniaga dinasihatkan agar sama-sama memberikan komitmen dan tanggungjawab menjaga kebersihan dan terutamanya sekali di sekitar Taman Mahkota Jubli Emas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola untuk meneruskan mengenai dengan isu kebersihan. Petang semalam, kita telah pun mendengar penjelasan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai beberapa peruntukan undang-undang mengenai kebersihan. Izinkan saya pagi ini mengongsikan inisiatif-inisiatif kerajaan mengenai isu kebersihan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ bagi menangani isu kebersihan secara holistik, satu Jawatankuasa Induk Isu Kebersihan telah ditubuhkan pada bulan Februari 2016. Kementerian yang terlibat adalah Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam memperkesakan lagi tugas-tugas jawatankuasa ini terdapat tiga *taskforce* utama yang menjalankan tindakan-tindakan ke arah mempertingkatkan tahap kebersihan seluruh negara iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam, negara yang bersih, selamat, indah serta menarik. Tiga *taskforce* utama itu ialah:-

1. Kemudahan - kemudahan dan perkhidmatan kebersihan (*facilities and services for cleanliness*);

2. Kesedaran *stakeholder* dan peneraju (*stakeholder awareness and stewardship*); dan
3. Undang - undang dan penguatkuasaan (*legal and enforcement*).

إِنَّ سَأَلَ اللَّهِ، saya akan menjelaskan lagi dengan lebih lanjut mengenai statistik kebersihan ini semasa membincangkan Anggaran Belanjawan nanti.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai isu kebersihan ini, Jawatankuasa Induk Isu Kebersihan dan Jawatankuasa *Taskforce* akan meningkatkan lagi usaha dan strategi dengan meneliti pelan-pelan tindakan agar ia dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur terutama sekali dalam menguatkuasakan akta-akta yang sedia ada.

Mengenai soalan kedua, iaitu melarutkan aktiviti-aktiviti peniaga sehari malam sebelum Program Bandarku Ceria diadakan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat itu bagi kerajaan membantu penjaja-penjaja memajukan dan meningkatkan pendapatan dan perekonomian mereka. Dalam hubungan ini, kementerian akan bersedia menimbangkan perkara tersebut jika ada permohonan daripada peniaga-peniaga mengenai perkara ini. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan Jawab Mulut No 5 dan 6 daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan kaola yang pertama yang bertajuk Akta Keseksaan Jenayah Syariah 2013.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan untuk melaksanakan Hukum Keseksaan Jenayah yang mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2014 iaitu secara berperingkat-peringkat.

Pengumuman ini telah dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Perintah Kanun Keseksaan Jenayah Syariah 2013. Seperti mana titah Baginda, "Beta hari ini reda dengan takdir dan bersyukur kepada Allah untuk mengumumkan bahawa Khamis, 1 Mei, 2014 akan menyaksikan penguatkuasaan undang-undang syariah fasa satu yang akan diikuti fasa-fasa berikutnya".

Saya ingin tahu:

1. Sejauh manakah perkembangan peringkat atau fasa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi merealisasikan akta jenayah tersebut dikuatkuasakan?

Kedua, Sekolah Arab adalah satu-satunya institusi pendidikan yang dipertaruhkan oleh negara bagi menyediakan tunas melahirkan calon atau bakal ulama atau bijak pandai Islam yang berupaya mewarnai kepimpinan keugamaan di Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah sempena Majlis Konvokesyen Ke-6 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan bahawa bagi penuntut-penuntut sekolah Arab yang tidak mampu menguasai Bahasa Arab hendaklah membuat kajian menyeluruh, dilakukan bagi mencari punca dan penyelesaian dan seterusnya melakukan anjakan perubahan agar isu ini tidak berlanjutan sehingga menjejaskan masa depan pelajar dan juga menggagalkan matlamat sekolah Arab.

Baginda sekali lagi menyentuh mengenai perkara ini pada Majlis Konvokesyen Ke-7 Kolej Universiti Perguruan Seri Begawan dengan titah:

“Dalam makna ibarat kilang sekolah Arab adalah sangat perlu untuk menghasilkan bahan produknya yang berkualiti kerana itu beta tidak jemu-jemu untuk mengingatkan supaya sekolah Arab mestilah terus diperkasa. Mana-mana yang kurang ditambah atau yang kurang bagus diperbaguskan atau yang masih lemah diperkuat sehingga sekolah ini benar-benar jadi unggul dan ternama”.

Saya ingin tahu:

1. Apakah langkah atau program yang telah disusun oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memperbaiki ke arah peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran menguasai Bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab supaya isu-isu ini dapat diatasi; dan
2. Kokurikulum sekolah Arab berorientasikan bidang agama seperti Syariah, Usuluddin, Dakwah dan lughah. Meninjau dari sudut pasaran kerja. Bidang-bidang pembangunan, negara adalah bidang teknikal, kewangan, keusahawanan dan seumpamanya. Apakah sekolah Arab menerapkan keperluan-keperluan tersebut dalam kokurikulumnya agar lepasan dari sekolah Arab mempunyai peluang rakan-rakan penuntut lepasan dari sekolah akademik yang lain yang bukan dari sekolah aliran Arab?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong wakil daerah Tutong kerana mengemukakan dua soalan.

Soalan pertama ialah mengenai perlaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dan soalan kedua berhubung dengan Sekolah Arab yang mengandungi dua soalan iaitu memperkasa Bahasa Arab dan juga

sekolah Arab menyediakan pelajar untuk dapat memenuhi pasaran kerja sebagaimana rakan-rakannya yang lain.

Bagaimanapun kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menyatakan bahawa kementerian dan kaola telah pun menyiapkan rang jawapan tersebut terhadap kedua-dua solan tersebut. Walau bagaimanapun untuk lebih meyakinkan lagi dan lebih teratur serta jawapan yang lengkap khususnya berhubung dengan Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013, kaola mohon izin untuk menengguhkan sehingga nanti akan kaola beri Notis kepada pihak Dewan ini nanti. Kaola mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar kenyataan dan sebab-sebab yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Uagama itu maka saya izinkan Yang Berhormat untuk menengguhkan dulu jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan seterusnya Soalan Jawab Mulut No. 7 daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menurut *World Economic Forum*, dunia sekarang memasuki Revolusi Perindustrian Keempat atau dipanggil *Fourth Industrial Revolution* ataupun *Industry 4.0*, manakala Revolusi Perindustrian Pertama menggunakan air dan wap untuk mempercepatkan pengeluaran.

Revolusi Perindustrian Kedua menggunakan tenaga elektrik bagi pengeluaran besar-besaran atau apa yang dipanggil *mass productions* dan Revolusi Perindustrian Ketiga menggunakan elektronik dan teknologi informasi bagi pengeluaran secara *automation*.

Bagi revolusi pusingan keempat ini pula, ia mengintegrasikan teknologi dengan secara fizikal, digital dan biologi. Sebagai misalan yang dapat diberikan ialah *analytic data*, *circular economy*, *digital economy* ataupun *e-payment*, *sharing economy* contoh yang sudah terlihat ialah *uber*, *airhub* dan *open offices*, *3-D printing*, *cryptocurrency* *electric cars* dan juga *internet of things* dan lain-lain lagi.

Saya ingin bertanya, apakah sudah ada dasar untuk mengadaptasikan perubahan ini bagi menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan?

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu diucapkan terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai Perkembangan Revolusi Perindustrian yang sering kita saksikan dan ikuti selama ini yang sentiasa berubah mengikut arus peredaran zaman dan era kemajuan sains semata-mata untuk menampung keperluan kehidupan sejagat amnya. Memang tidak dapat dinafikan perkembangan seumpamanya ini sekali gus telah dan akan mempengaruhi setiap aspek penghidupan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam khususnya menyentuh mengenai perkara mengadaptasi perubahan ini, terutamanya yang berkaitan langsung dengan aplikasi teknologi ke arah mengembangmajukan sektor sumber-sumber utama dan sektor pelancongan amat dialu-alukan dan sangat-sangat digalakkan. Malahan lebih daripada itu untuk peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha agar sentiasa berinovasi dalam mengendalikan operasi ladang dan operasi syarikat mereka.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaras dengan Matlamat Strategik dan Teras Utama Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan salah satu penekanannya ialah mengenai Peningkatan Produktiviti bagi Penggunaan Teknologi dan Teknik Moden secara meluas dalam semua aktiviti peladangan, pertanian, perikanan dan penternakan.

Pendekatan berasaskan adaptasi teknologi yang bersesuaian dalam aktiviti sumber-sumber utama contohnya adalah seperti mengaplikasi *LED*, *vertical farming*, rumah terlindung ataupun *green house*, fertigasi dan hidroponik dan industri pertanian. Pitlot dalam industri ternakan ruminan dan *close house system* dan rumah bertingkat dalam industri ayam pedaging dan juga tangki-tangki bertingkat bagi pemeliharaan ikan-ikan dan udang-udang.

Dari aspek pengurusan transaksi kewangan bolehlah barangkali mengambil contoh mengenai pengadaptasian sistem pembayaran *e-payment*, satu inisiatif yang sudah dilaksanakan di bawah sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* dan sistem lain yang memudahkan para pengguna.

Sekianlah saja barangkali yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad sebentar tadi. Mungkin ada rakan-rakan ahli yang lainnya yang dapat menjelaskan lagi berhubung perkara yang diutarakan sama di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang suka untuk memberi kenyataan ataupun keterangan mengenai soalan *Fourth Industrial Revolution* ataupun *Fifth Industrial Revolution* yang telah dikemukakan tadi. Tidak ada? Ya, Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai Revolusi Perindustrian Keempat.

Tidak dinafikan bahawa Revolusi Perindustrian Keempat berpontensi untuk membuka peluang di samping cabaran baharu pada semua sektor di negara ini yang menjadi pendorong bagi transformasi digital untuk berdaya saing. Ia amatlah berkait rapat dengan pencapaian matlamat ketiga di bawah Wawasan Brunei 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Revolusi Perindustrian Keempat ini merupakan kesinambungan daripada Revolusi Perindustrian Ketiga yang berteraskan sistem elektronik dan teknologi maklumat dengan beberapa inisiatif telah dan sedang diungkayahkan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan. Contohnya usaha-usaha Pusat Kebangsaan e-Kerajaan, program-program

peningkatan kemahiran *ICT* di bawah pihak berkuasa industri teknologi, info-komunikasi Negara Brunei Darussalam *AITI*, program-program menggalakkan penggunaan *e-Commerce* di bawah kelolaan *Darussalam Enterprise*, pengemaskinian Skim Geran Majlis Penyelidikan Brunei atau *Brunei Research Council* bagi mendukung perkembangan sains teknologi inovasi dan penyelidikan dalam bidang *ICT* dan teknologi digital, kesihatan dan bioteknologi, sains dan teknologi pemakanan dan juga tenaga. Usaha-usaha tersebut berperanan sebagai asas atau *foundation* bagi persediaan untuk masa akan datang.

Sehubung itu, pembentukan dasar khusus bagi menghadapi gelombang revolusi perindustrian keempat dan mengadaptasi apa jua perubahan akan terus dikaji, dibincangkan dan ditetapkan bersama kementerian-kementerian dan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk orang ramai dengan mengambil kira juga pendekatan *whole of nation*.


إِنْ شَاءَ اللَّهُ apa jua dasar yang akan diwujudkan ia akan bersifat fokus dan mampu memberi manfaat kepada Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian juga yang dapat kaola sampaikan mengenai persoalan Yang Berhormat tadi, terima kasih.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan seterusnya, Soalan Jawab Mulut bil No. 8 daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji

Ash'ari kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji

Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. 

Adalah difahamkan pada masa ini belum ada agensi yang bertanggungjawab ke atas haiwan-haiwan sama ada peliharaan ataupun yang liar. Banyak terdapat kes-kes haiwan peliharaan dicuri dari kawasan rumah dan juga haiwan peliharaan dibuang sesuka hati atau pun didera. Ada juga terdapat binatang-binatang ini berkeliaran di jalan-jalan raya yang boleh mengganggu pengguna jalan raya.


Oleh sebab binatang-binatang seperti anjing dan kucing cepat membiak, jumlahnya akan meningkat. Jika perkara ini dibiarkan ia akan mengakibatkan masalah sosial, keselamatan seperti (anjing menyerang kanak-kanak), jangkitan penyakit anjing gila (*rabies*) akan meningkat dan juga menambahkan kekotoran alam sekitar.

Satu cara yang diamalkan untuk mengatasi masalah ini ialah "*trap and neuter*" dan menggalakkan orang ramai untuk memelihara (*adopt*) haiwan liar daripada membeli. Pada masa ini, ada beberapa buah agensi yang bukan kerajaan (*NGO*) menjalankan kedua-dua program ini secara sukarela, namun ia memerlukan sokongan kuat daripada pihak kerajaan bagi mengurangkan risiko masalah ini pada masa akan datang.

Saya ingin bertanya:-

1. Agensi manakah dari pihak kerajaan yang mampu menangani masalah ini?;
2. Apakah pandangan dari segi Islam tentang "*neutering and spaying*" ataupun mengembiri bagi mengurangkan pembiakannya dapat dijaga dan mengawal selia pemeliharaannya?; dan
3. Adakah pihak yang berkenaan terdapat statistik mengenai kes-kes kemalangan jalan raya yang melibatkan kehidupan liar? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:




Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kerana mengutarakan beberapa soalan.

Sebagai makluman bahawa Akta Perlindungan Binatang Liar di bawah jagaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tidaklah termasuk pengawalan anjing-anjing dan kucing-kucing. Ada pun undang-undang berkenaan peliharaan binatang liar termasuk anjing dan kucing berkeliaran (*stray dog and cats*) adalah tidak termasuk dalam akta tersebut. Seperti yang diketahui perkara-perkara yang berkaitan bermasalahan dengan anjing yang berkeliaran bolehlah dirujuk di bawah Peruntukan Akta Anjing

Penggal 60 Pindaan 2012 di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan segala hormat kaola akan menyerahkan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menjawab, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyerahkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:  Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas soalan yang dikemukakan dan saya di sini hanya akan menyentuh mengenai anjing di bawah Penggal 60 Akta Anjing.

Pengawasan anjing-anjing peliharaan atau liar adalah di bawah kawalan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Daerah Tutong seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Anjing Penggal 60.

Di bawah Akta Anjing Penggal 60 ini, agensi-agensi yang dinyatakan tadi

diberikan kuasa untuk memusnah (*destroy*) dan merampas (*empounce*) anjing-anjing terbiar yang tidak bertuan.

Di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (*minor offences*) Penggal 30 terdapat peruntukan binatang-binatang berbahaya (*dangerous animals*) termasuk anjing yang pegawai polis diberikan tanggungjawab mengenainya. Jabatan Bomba dan Penyelamat sering kali dihubungi untuk menangani binatang-binatang liar seperti ular dan sebagainya di tempat kediaman awam.

Pada masa ini, tidak ada peruntukan perundangan yang khusus dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi menangani isu binatang-binatang liar. Bagaimanapun, demi menjaga keselamatan dan ketenteraman awam, jabatan berkenaan telah menjadi *first responder* apabila orang awam menghubungi jabatan berkenaan.

Sungguhpun terdapat peruntukan undang-undang dalam Penggal 60 mengenai memusnahkan anjing, tindakan-tindakan agensi berkenaan adalah juga berpandukan kepada Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam iaitu Fatwa Mufti Kerajaan Bilangan 7, 1997 berkaitan dengan penghapusan anjing-anjing liar yang menyatakan saya petik di sini kod membunuh binatang pada dasarnya adalah dilarang melainkan yang telah ditetapkan atau diharuskan oleh syarak boleh dibunuh.

Iaitu binatang itu membahayakan atau memudaratkan sama ada memang tabiat semula jadi membahayakan atau sebaliknya. Seperti anjing penggigit atau anjing gila. Maka boleh dicegah kerana bahayanya itu menurut kesesuaiannya termasuk dengan membunuhnya. Itu pun setelah membuat langkah-langkah dan ikhtiar-ikhtiar bagi menghalang kemudatan tersebut.

Kita juga difahamkan dari pihak-pihak yang berkenaan bahawa sebelum langkah-langkah menghapuskan anjing-anjing itu dilakukan maka ikhtiar lebih dahulu dibuat bagi mencari sebab-sebab mengapa anjing-anjing itu berkumpul di tempat-tempat berkenaan dan mengusahakan supaya anjing-anjing tidak datang berkumpul di tempat tersebut.

Seperti tidak meletakkan sampah-sarap merata-rata atau di tempat-tempat yang terdedah yang mudah bagi anjing mendapatkan sisa-sisa makanan berkenaan dan jika semua langkah-langkah itu telah dilakukan dan ia gagal maka pada ketika itu bolehlah dibunuh anjing-anjing itu setakat diperlukan.

Berkaitan dengan perkara ini juga saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mempunyai statistik mengenai kes-kes kemalangan jalan raya yang melibatkan kehidupan binatang liar. Walau bagaimanapun kementerian mempunyai statistik bagi Lesen Anjing yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria. Seperti

yang ditetapkan dalam Akta Anjing Penggal 60, harga Lesen Anjing ialah \$5 setahun dan setiap anjing didaftarkan perlu dipasangkan label kolar dengan bayaran \$3. Untuk makluman di Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan sehingga 31 Januari, sebanyak 264 Lesen Anjing telah dikeluarkan. Di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria sebanyak 271 Lesen Anjing dan di luar kawasan Bandaran Kuala Belait dan Seria terdapat 91 lesen telah dikeluarkan.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga ada menyatakan cadangan bagi mengkembiri dalam usaha untuk mengurangkan pembiakan supaya dapat dijaga dan dikawal pemeliharaan binatang-binatang berkenaan.

Berhubungan dengan cadangan ini, untuk mengkembiri binatang bagi mengurangkan pembiakannya saya Yang Berhormat Yang Di-Pertua tidak bertujuan untuk menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengongsikan bahawa pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada 12 Februari 2013 telah menghadapkan isu berkaitan dengan pengembirian binatang kepada Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Dalam surat jawapan Mufti Kerajaan bertarikh 21 Rabiulakhir 1434 bersamaan 4 Mac 2013 telah menyertakan Siri Fatwa Bilangan 19/1983 berhubung dengan pengembirian anjing. Secara ringkasnya pengembirian binatang hanya

dibolehkan bagi binatang-binatang yang halal dimakan sahaja. Ada pun binatang yang tidak halal dimakan maka tiadalah harus (haram) dilakukan ke atas binatang itu. Sekianlah saja yang dapat saya jelaskan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai beberapa perkara yang menarik perhatian dikemukakan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan itu. Maka saya berpendapat eloklah kita berhenti dalam membincangkan Perkara V dan kita beralih pula perkara yang lain.

Pada petang semalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah mula membincangkan Perkara VII Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Rang ini telah mula kita bincangkan di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita bincangkan satu persatu saya tangguhkan dahulu Majlis Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Majlis ini akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu persatu yang telah dicadangkan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Pada petang semalam kita telah membincangkan atau mula membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. الْحَمْدُ لِلَّهِ kita telah meluluskan Tajuk SA01A-Jabatan Perdana Menteri hingga Tajuk SA07A-Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara. Kita telah membincangkan dan membahaskan Tajuk-Tajuk seterusnya SA08A-Radio Televisyen Brunei hingga SA25A-Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri Ahli-Ahli Yang Berhormat telah banyak mengemukakan soalan yang ada hubungkaitnya dengan Tajuk-Tajuk di bawah jadual Jabatan Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, sebagaimana yang telah saya nyatakan semalam, saya sekarang ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat responsnya terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan pada petang semalam oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Tajuk-Tajuk yang bermula dengan Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei hingga Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الْبَيْتِ الطَّيِّبِينَ
الطُّهَّرِينَ، وَعَلَى أَلِهِمْ وَصَحْبِهِمْ
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاجْعَلْ لِحُجَّتِي مِنْ لِسَانِي يَتَّبِعُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan
kaola untuk menjawab soalan-soalan
daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat
secara menyeluruh dengan tidak
mengira dari bab-bab yang telah
disebutkan oleh Yang Berhormat
Pengerusi. Ini bertujuan untuk
memberigakan pencerahan lagi kepada
Ahli-Ahli Yang Berhormat yang
mengemukakan soalan-soalannya.

Soalan daripada Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka
Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka
Awang Haji Sabtu mengenai dengan
Pengawasan Kejiranan Kampung
dan Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu
apakah ada strategi atau hala
tuhu seterusnya dari Pasukan Polis
Diraja Brunei dalam meningkatkan
keberkesanan Program Pengawasan
Kejiranan khususnya mengemas kini
program berkenaan sehingga benar-
benar dapat menyumbang kepada
keamanan negara dan dapat mengatasi
aktiviti-aktiviti jenayah. Juga
mencadangkan supaya Pasukan Polis
Diraja Brunei dapat meningkatkan
keberadaan polis "Police Visibility"
di tempat-tempat strategik di samping

menggunakan kamera litar tertutup
ataupun CCTV bagi memantau aktiviti-
aktiviti persekitaran di samping
meningkatkan rondaan.

Jawapan yang dapat kaola berikan
ialah pada masa ini jumlah kampung
yang menyertai pengawasan kejiranan
berjumlah 110 buah kampung dari 191
kampung di seluruh negara. Jumlah
keahlian dari 110 kampung ialah
seramai 1,764 orang ahli. Pengawasan
Kejiranan Kampung merupakan salah
satu strategi yang mendukung Wawasan
Negara Brunei 2035 dalam membantu
pengurangan kadar jenayah.

Dari itu, seperti mana yang dikongsikan
sebelum ini strategi pada masa ini
memfokus kepada 3 komponen utama
bagi memastikan keberkesannya
dalam pengurangan kadar jenayah iaitu
aktiviti pendekatan, aktiviti kebajikan
dan sosial dan aktiviti operasi taktikal.

Dalam usaha mengemas kini fungsi dan
Program Ahli-Ahli Pengawasan Kejiranan
Kampung, pihak Pasukan Polis Diraja
Brunei sentiasa mengemas kini taklimat
dan pendedahan mengenai jenayah
pada ahli-ahli yang ada agar mereka
mempunyai pengetahuan yang
mendalam dalam pelaksanaan tugas
dan tanggungjawab ahli termasuk
memberigakan strategi pencegahan
jenayah.

Menjadi penyalur maklumat dan
mendukung usaha-usaha ke arah
memperkasa keberkesanan menjadikan
sebuah kampung sentiasa aman dan

menjadikan sesebuah kampung selamat dari sebarang ancaman keselamatan.

Antara Program-Program Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung ialah:-

1. Melibatkan diri dalam gandingan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan persekitaran;
2. Memata- mematai keselamatan jiran dan penduduk di persekitaran kejiranan;
3. Mengambil perhatian dan mengawasi gerak geri pendatang di persekitaran kejiranan;
4. Membuat rondaan pada waktu yang bersesuaian secara bergilir-gilir untuk mencegah dari terjadinya kes-kes jenayah; dan
5. Membuat kerja kebajikan dan sosial scara bergotong-royong seperti membersihkan sesebuah kawasan atau bangunan supaya tidak disalahgunakan oleh anasir-anasir yang tidak diingini bagi keselamatan penduduk.

Pasukan Polis Diraja Brunei akan sentiasa mengemaskinikan program-program mahupun Strategi-Strategi Pengawasan Kejiranan Kampung agar ia sentiasa relevan dan efektif mengikut keadaan semasa. Pada masa yang sama pengawasan dan juga mengambil langkah mengkaji amalan-amalan baik negara-negara serantau untuk dijadikan

penanda aras bagi sentiasa mengemas kini Pelan Tindakan selaras dengan budaya yang ada pada kitani. Perancangan pasukan Polis Diraja Brunei bagi penempatan pos-pos kawasan perumahan.

Dengan adanya pembangunan pesat negara dari segi perumahan dan pertumbuhan ekonomi pada masa ini, pembinaan balai-balai ataupun pos-pos polis merupakan satu perancangan strategik yang memerlukan *feasibility studies* dengan mengambil kira kriteria-kriteria keselamatan seperti trend jenayah, kepadatan penduduk, ancaman keselamatan, keperluan sumber tenaga manusia dan sokongan infrastruktur. Bagi kawasan padat penduduk adalah lebih ideal dengan pembinaan Balai Polis bagi *deployment* anggota dan aset yang mencukupi untuk memastikan kawalan keamanan yang komperhensif dan pelayanan perkhidmatan polis yang maksimum.

Antara peranan dan fungsi pos polis adalah meningkatkan keberadaan polis di kawasan berkenaan bagi meningkatkan tahap keyakinan penduduk setempat akan keadaan keselamatan diri dan harta benda mereka serta berperanan sebagai penggalak kepada jalinan kerjasama antara polis dan masyarakat dalam usaha membanteras jenayah. Pada masa ini jumlah keseluruhan pos polis adalah sebanyak 38 buah di seluruh negara.

Pos polis bukanlah satu-satunya mekanisme penyelesaian bagi

meningkatkan keberadaan polis mahupun mengurangkan kejadian-kejadian jenayah. Pengawasan kejurangan juga turut memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan penduduk di kawasan-kawasan perumahan.

Dari itu, pengawasan kejurangan memerlukan sokongan padu daripada lapisan masyarakat terutama dari belia, penjawat kerajaan dan orang-orang berkepentingan.

Soalan daripada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, mengenai dengan pemeliharaan aset kerajaan. Ada hubung kait soalan Yang Berhormat Awang Hanafi bin Mohd. Siput. Terima kasih Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita memberikan sedikit penjelasan lanjut ke atas jawapan-jawapan yang telah kaola sampaikan sebelum ini mengenai dengan laporan audit ke atas bangunan-bangunan kerajaan yang terbiar.

Mengenai dengan data pengauditan bangunan kerajaan yang terbiar, Jabatan Audit memang mempunyai data-data bagi bangunan yang terbiar yang digunakan oleh kementerian dan jabatan yang berkenaan. Dalam proses pengauditan ia dibuat secara menyeluruh berdasarkan pematuhan, prestasi, pengurusan dan kewangan.

Dalam pengauditan tersebut Jabatan Audit memang menyentuh berbagai-bagai aspek termasuk *health and safety* yang melibatkan aset-aset kerajaan yang perlu diberi keutamaan. Melalui penemuan-penemuan tersebut Jabatan Audit sentiasa memberikan saranan dan nasihat bagi pihak-pihak yang diaudit agar bangunan-bangunan yang mereka miliki dipedulikan dan diperbaiki supaya tidak terbiar dan mendatangkan masalah seperti mana jua kebimbangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tersebut.

Maka terpulanglah kepada pihak-pihak yang diaudit untuk mengikut dan memedulikan apa-apa yang telah disaran, dicadang dan ditegur oleh pihak Jabatan Audit. Jabatan Audit juga menyambut baik atas saranan Yang Berhormat untuk merancang dan meningkatkan pengauditan bagi bangunan-bangunan terbiar tersebut. Ke arah itu Jabatan Audit memang mempunyai perancangan untuk meningkatkan skop pengauditan ke atas bangunan-bangunan kerajaan.

Dalam kesempatan ini kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanafi bin Mohd. Siput atas maklumat mengenai beberapa bangunan berdekatan dengan Sekolah Rendah Labi dan usaha-usaha beliau untuk memaklumkan kepada pihak-pihak yang memiliki bangunan-bangunan tersebut untuk mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas bangunan-bangunan tersebut.

Dalam hubungan hasil pengauditan ke atas pemeliharaan aset, antara isu

yang sering didapati adalah pemeliharaan tidak dilaksanakan secara *timely* dan kurang pemantauan oleh pihak pengurusan. Walau bagaimanapun pihak-pihak berkenaan telah sedaya upaya mengambil tindakan pembaikan dengan menggunakan sumber kewangan secara efisien.

Jabatan Audit menasihatkan kepada pihak-pihak yang berkenaan agar pengemaskinian *database* mengenai bangunan-bangunan tersebut bagi membantu membuat keputusan mengenai pemeliharaannya dan pemantauan terhadap bangunan-bangunan yang terbiar dipertingkatkan dengan mengadakan jadual lawatan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan juga memikirkan langkah-langkah bagi memanfaatkan bangunan-bangunan tersebut seperti mana cadangan-cadangan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Ini termasuk menawarkan kepada agensi-agensi yang lebih memerlukan bangunan-bangunan tersebut.

Soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai teknologi dan maklumat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Seperti juga saranan Yang Berhormat, pihak Pusat Kebangsaan e-Kerajaan akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian untuk memasukkan maklumat-maklumat yang penting termasuk garis panduan atau *Standard*

Operational Procedure (SOP) setelah ia disediakan ke dalam laman-laman *web* kerajaan. Bagi membantu kementerian-kementerian dalam menambah baik laman sesawang kementerian-kementerian seperti penubuhan sistem-sistem *online government.bn* telah pun dilancarkan sebagai *portal* rasmi kerajaan Brunei Darussalam bagi mendapatkan maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang dapat diakses di mana sahaja dan bila-bila masa.

Bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai e-perkhidmatan dan aplikasi mudah alih yang telah disediakan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam Pusat Kebangsaan e-Kerajaan sedang dan telah pun bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam beberapa kegiatan promosi melalui beberapa *platform* seperti pemberitahuan menggunakan *banner* dan artikel mengenai e-perkhidmatan dan aplikasi mudah alih kerajaan di kesemua laman *web* rasmi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Platform media sosial iaitu *instagram*, *facebook* dan *twitter*. Penggunaan media sosial rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam iaitu *gov.bn* dan juga media sosial rasmi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya telah pun memainkan peranan bagi menyalurkan, menyampaikan dan memberi kesedaran kepada semua peringkat masyarakat dan umur mengenai e-perkhidmatan

dan aplikasi mudah alih yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan juga sekali gus berperanan bagi menyampaikan maklumat dan berita yang betul lagi sahih dari masa ke masa. Penerbitan iklan-iklan dalam surat khabar seperti "Pelita Brunei" berbentuk *infographic* dan artikel mengenai e-perkhidmatan dan aplikasi mudah alih kerajaan dari masa ke masa. Temu bual melalui kaca televisyen dan radio mengenai perkhidmatan dan aplikasi mudah alih yang baharu dilancarkan telah pun diadakan melalui Rampai Pagi di Radio Televisyen Brunei dan melalui rangkaian-rangkaian radio seperti Kristal FM, Nasional FM dan Pilihan FM yang diwakili oleh *stakeholders* yang berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai perancangan untuk memasukkan dalam perancangan kewangan memperkenalkan Skim Insurans Nyawa untuk semua penjawat awam kerajaan. Terima kasih atas soalan ini.

Setakat ini belum ada perancangan untuk memperkenalkan Skim Insurans Nyawa secara menyeluruh kepada warga perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat beberapa jabatan penguat kuasa undang-undang yang mempunyai skim insurans secara berkelompok yang tertakluk kepada keperluan kementerian dan jabatan berkenaan.

Menambah maklumat berkenaan ini juga, kaola/saya ingin mengongsikan

penjelasan berhubung insurans *conventional* berdasarkan pandangan ulama-ulama Islam bahawa perkara-perkara ini pernah diterbitkan dalam buku Fatwa Mufti Kerajaan tahun 2008. Untuk ini kalau dibacakan semua sekali isi fatwa-fatwa itu akan memakan masa, jadinya kaola menyarankan supaya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Mufti Kerajaan kerana di situlah akan dapat penerangan yang lebih jelas mengenai hal-ehwal insurans dan sila buat penyiasatan dengan pihak takaful juga.

Soalan selanjutnya daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai keluhan bahawa pendapatan tidak mencukupi dan tidak stabil dengan masalah kenaikan harga barang ditambah lagi dengan keperluan-keperluan lain yang mendesak dalam menyara kehidupan sehari-hari bagi diri sendiri dan ahli keluarga di bawah tanggungan.

Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyuarakan perkara ini. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sangat peka dan prihatin terhadap isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semalam, terutamanya dalam meringankan kos sara hidup secara menyeluruh.

Ke arah itulah semenjak tahun 1984 beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi menambah pendapatan secara langsung atau tidak langsung untuk meringankan bebanan warga

perkhidmatan awam di negara ini. Antaranya termasuklah perkara-perkara berikut:-

1. Pemberian Elaun Kurnia Khas pada tahun 1987 yang jumlahnya telah direviu lagi pada tahun 1991;
2. Memperkenalkan Elaun Sara Hidup pada tahun 1998 yang kadar bagi Bahagian IV ke bawah diperbaharui pada tahun 2006;
3. Pengenalan EB Khas pada tahun 1996; dan
4. Kenaikan Mata Gaji Khas (*Accelerated Increment*) pada tahun 2006.

Semua usaha ini telah meningkatkan pendapatan secara langsung kepada para pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah mengemaskinikan beberapa skim perkhidmatan yang telah melibatkan penyelarasan dan semakan pada gaji dan juga elaun-elaun yang diterima dalam kalangan anggota perkhidmatan awam khususnya bagi beberapa jawatan tertentu seperti Skim Perkhidmatan bagi Perguruan, Kejururawatan, Doktor, Tenaga Pengajar Insititusi Pengajian Tinggi dan lain-lain.

Di samping itu, sebagai usaha memelihara kesejahteraan warga sektor swasta, pihak kerajaan juga telah menyediakan beberapa insentif seperti berikut:-

1. Peraturan bagi kemudahan Cuti Beranak mulai 1 Januari 2011. Kerajaan akan menghulurkan bayaran gaji penuh kepada pekerja-pekerja swasta yang beranak dalam tempoh 5 minggu selepas tempoh 8 minggu yang dibayar oleh majikan masing-masing;
2. Kerajaan juga menghulurkan Elaun Pelajaran bagi ahli-ahli Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) termasuklah bagi mereka yang bekerja di sektor swasta dengan kadar-kadar tertentu;
3. Pemberian subsidi perumahan di bawah skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang telah diperkenalkan 2 tahun yang lalu, juga dapat dinikmati oleh pekerja-pekerja sektor swasta;
4. Di samping itu, selain mewujudkan Tabung Amanah Pekerja (TAP), kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP), iaitu melalui skim ini setiap rakyat dan penduduk negara ini yang menjadi ahli SCP, insya-Allah akan menerima bayaran bulanan secara minima sebanyak \$400.00 sebulan iaitu termasuk \$250.00 bagi Elaun Pencen Tua;
5. Manakala jika mereka ini menabung lebih lagi dengan sendirinya, pendapatannya akan lebih. Manakala di pihak kerajaan pula, kemudahan bagi pegawai dan kakitangan wanita diseimbangkan

dengan pegawai dan kakitangan lelaki seperti kemudahan Elaun Tambang Cuti 4 tahun dan Elaun Tambang Cuti Haji. Ini membolehkan pegawai dan kakitangan wanita untuk juga dihulurkan Elaun Tambang Cuti bagi suaminya yang bekerja di sektor swasta seperti mana juga Elaun Tambang Cuti yang dihulurkan bagi anak-anak mereka; dan

6. Para majikan dan pengusaha-pengusaha di sektor swasta juga mempunyai tanggungjawab untuk membantu kerajaan bagi mencapai objektif berkenaan. Ini antara lainnya menawarkan pakej gaji yang lebih menarik, memperbaiki persekitaran kerja yang kondusif, menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan sebagainya, sebagai menghargai sumbangan bakti dan perkhidmatan mereka kepada majikan masing-masing.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai Jawatankuasa Penilaian Kenaikan Pangkat dan Lantikan yang dilantik menganggotai jawatankuasa berkenaan, adakah mereka ini benar-benar arif, jujur lagi amanah? Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis itu dan memaklumkan ataupun memberitahu bahawasanya pemilihan pegawai-pegawai perkhidmatan awam bagi menjawat jawatan-jawatan

tertentu adalah melalui proses lantikan dan kenaikan pangkat selaras dengan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, peraturan serta garis panduan yang berjalan pada masa ini.

Proses lantikan calon-calon untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah melalui proses pengisian jawatan kosong dan proses sokongan kenaikan pangkat, proses pengambilan ataupun pengisian jawatan kosong melalui beberapa peringkat saringan yang teratur, sistematik dan telus bermula dari proses menerima permohonan, ujian dan temu duga sebelum dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan-jawatan tertentu.

Bagi pegawai-pegawai yang sedia berkhidmat dalam perkhidmatan awam juga boleh dilantik ke satu jawatan dalam tangga gaji yang lebih tinggi melalui proses-proses pengisian iklan jawatan kosong atau sokongan kenaikan pangkat.

Sokongan kenaikan pangkat lazimnya dihadapkan oleh pihak Setiausaha Tetap kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penilaian, pertimbangan dan sokongan. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Jawatankuasa Kenaikan Pangkat dan Pertukaran Pegawai Kanan Bahagian I dan II, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan, Ahli-Ahli

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Penilaian jawatankuasa bukan hanya berasaskan kelayakan dari segi memenuhi syarat skim perkhidmatan tetapi juga melihat secara keseluruhan kepada perbandingan dengan rakan-rakan sebaya yang berpotensi dan yang memegang jawatan atau tangga gaji yang sama, bahkan lebih mengutamakan sumbangan ataupun pencapaian signifikan pegawai yang disokong.

Penilaian juga lebih menitikberatkan dan mengutamakan kebersihan dari segi tapisan keselamatan, prestasi, produktiviti, akauntabiliti, daya kepimpinan yang telah ditunjukkan, kebolehan dalam menjalankan tugas, kesejajaran ataupun kesesuaian tugas dengan kelulusan, inovasi, pembaharuan yang telah dibuat, pencapaian serta sumbangan yang spesifik menggunakan sukat-sukat tertentu seperti Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) dan sebagainya. Tatacara yang dilaksanakan adalah secara telus dan sistematik bagi mengelakkan isu ketidakadilan dalam menilai kenaikan pangkat.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, yang mengutarakan pendapat mengenai ada antara jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri menggunakan Bahasa Inggeris dalam *website* rasmi dan media cetak, padahal bahasa rasmi negara adalah Bahasa Melayu. Terima kasih atas

soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Pada kelazimannya, *website* mempunyai 2 versi yang disediakan iaitu versi bahasa rasmi, Bahasa Melayu dan versi seterusnya versi Bahasa Inggeris. Dari segi aspek teknikal, sudah disediakan dua bahasa, Bahasa Melayu dan Inggeris dan ia tertakluk kepada agensi untuk menggunakannya. Dari aspek antarabangsa, *website* dalam Bahasa Inggeris diperlukan bagi pelayar *website* yang tidak memahami Bahasa Melayu.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari juga, mengenai pembukuan Adat Istiadat 7 Puak Melayu Brunei untuk bahan bacaan dan pengetahuan generasi-generasi yang akan datang selain Adat Istiadat Melayu Brunei. Sekali lagi, terima kasih Yang Berhormat. Berhubung soalan Ahli Yang Berhormat, mengenai perkara itu sama ada Jabatan Adat Istiadat Negara menerbitkan buku mengenai Adat Istiadat 7 Puak Melayu Brunei, abiskaola berpendapat bahawa peranan utama Jabatan Adat Istiadat Negara lebih menjurus dan tertumpu kepada Adat Istiadat Diraja.

Abiskaola difahamkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerbitkan sebuah buku yang berkaitan dengan Adat Resam 7 Puak Brunei di Pesta Buku Brunei 2018 baru-baru ini. Buku tersebut berjudul Adat Resam 7 Etnik. Perkara ini mungkin boleh disahkan oleh Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan nanti. Walaubagaimanapun, jika maklumat yang telah disediakan tersebut dilihat masih belum mencukupi, maka kajian dan pengumpulan maklumat yang lebih terperinci boleh dilaksanakan dengan kerjasama dan penglibatan agensi-agensi yang berkepentingan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi dan pada pandangan abiskaola, ia lebih bersesuaian diselaraskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenainya.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai Radio Televisyen Brunei dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat lain. Dicadangkan kepada Radio Televisyen Brunei untuk lebih mendekati rakyat dan membuat aktiviti bersama orang ramai dan memberi keutamaan berita dan dokumentari apa jua aktiviti unruk ditayangkan melalui saluran Radio Televisyen Brunei. Ini bertujuan menunjukkan komitmen Radio Televisyen Brunei bukan hanya lebih menjurus kepada pihak-pihak tertentu, maka bisai ia bersifat *as a whole opportunity approach*.

Sukacita kaola memaklumkan kepada Yang Berhormat. Peranan Radio Televisyen Brunei selaku media penyiar tunggal kerajaan turut mengambil kira berbagai-bagai usaha dalam penerbitan program-program yang melibatkan masyarakat. Antara program yang diguna pakai termasuk aktiviti jerayawara, berdudun ke daerah-daerah, mukim-mukim dan kampung-

kampung secara terancang. Melaluinya berbagai-bagai program diterbitkan sama ada melalui rangkaian radio dan televisyen termasuk juga usaha-usaha mencari bakat-bakat tempatan.

Di samping itu, berbagai-bagai program radio dan televisyen yang melibatkan masyarakat juga turut diterbitkan secara giat antaranya Program Bermukun, Bahasa Mengenali Bangsa, program-program dalam Rampai Pagi melalui laporan daerah-daerah dan berita serta rancangan-rancangan televisyen seperti rancangan silaturahim dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya kira semalam soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini adalah beberapa soalan yang secara spesifik. Pada misalannya mengenai kualiti program dan juga kualiti *sound* yang dilaksanakan oleh Radio Televisyen Brunei.

Ahli Yang Berhormat di sebelah sini pada misalannya menyatakan di satu kawasan di Daerah Belait kualiti *sound*nya seperti rekod yang tersangkut-sangkut, jadi saya harap Ahli Yang Berhormat menjawab soalan-soalan sedemikian secara spesifik dan tidaklah payah dilaratkan kepada program-program yang lain kerana kita mempunyai masa yang sedikit untuk mendengar apa jawapan-jawapan daripada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Perkara itu diambil maklum dan akan kaola patuhi apa yang dikehendaki dan sambil itu kaola akan beredar kepada perkara-perkara lain jua dan ada banyak lagi soalan yang telah kaola sediakan jawapan-jawapannya. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada Yang Berhormat Pengerusi untuk menentukan masa dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat untuk meneruskan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Kaola ingin mengemukakan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim mengenai Radio Televisyen Brunei juga tetapi lebih tertumpu kepada pencipta-pencipta, penulis lirik lagu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim ada menyatakan bahawasanya Radio Televisyen Brunei iaitu siaran radio tidak menyebut pencipta atau penulis lirik bagi lagu-lagu tertentu khususnya lagu-lagu patriotik pada masa-masa tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan dan sebagainya.

Sebagai jawapannya, Radio Televisyen Brunei sebagai ejen pengumpulan dan penyiaran lagu-lagu tempatan sentiasa akan berusaha mengongsikan kepada

masyarakat, penonton dan pendengarnya tentang latar belakang pencipta, penulis lirik atau yang berkaitan sebagai rasa penghargaan atau penghasilan lagu-lagu berkenaan secara menyeluruh atau mengikut kesesuaian sebuah program.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diambil perhatian baik oleh pihak Radio Televisyen Brunei untuk memenuhi apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim dari segi penyebutan pencipta-pencipta lagu ataupun lirik-lirik bagi lagu-lagu yang tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya pada ketika ini, kita menanggungkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita bermesyuarat balik dalam Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya perisidangan kita ini kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 15 minit إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang perbincangan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 di

Peringkat Jawatankuasa disambung semula sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan tadi untuk membolehkan kita berhenti berehat.

Kita masih lagi membincangkan Jadual Jabatan Perdana Menteri bagi Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei hingga Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri dan kita masih lagi mendengar respons daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah ditimbulkan pada petang semalam.

Maka saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan penerangan-penerangannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan terus sahaja menuju kepada masalah siaran televisyen yang dikatakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat seperti *CD* rosak dan sebagainya terganggu maka kaola sebagai respons mewakili Radio Televisyen Brunei mengucapkan terima kasih atas persoalan ataupun soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat itu.

Berkaitan dengan isu penerimaan siaran digital di kawasan-kawasan pedalaman di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong, Radio dan

Televisyen mengambil perhatian serius mengenai perkara itu bagi membolehkan Radio Televisyen Brunei membuat siasatan yang terperinci ke arah pembaikan dan merancang keperluan teknikal dalam mengatasi perkara ini.

Adalah diakui bahawa sebahagian kawasan terbatas siarannya kerana keadaan tanah yang berbukit-bukau menyebabkan sebahagian rumah-rumah penduduk di daerah-daerah tersebut terselindung ataupun terhadang daripada pancaran siaran televisyen, Radio Televisyen Brunei. Radio Televisyen Brunei juga telah dan akan melaksanakan beberapa langkah secara berterusan bagi memastikan siaran televisyen digital dapat diterima.

Antara usaha yang telah dan sedang dilakukan adalah pemberigaan siaran televisyen digital melalui program-program yang sudah ditonton selama ini juga mengadakan jerayawara ke tempat-tempat ataupun daerah-daerah berkenaan sambil memeriksa siaran-siaran Radio Televisyen Brunei sama ada dapat diterima dengan baik ataupun tidak.

Hasil pemeriksaan turut mendapati isu penerimaan siaran televisyen digital bukan sahaja disebabkan kawasan lembah ataupun terhadang ataupun terhalang. Ada juga isu yang lain iaitu kurang pemahaman mengenai peralatan termasuk pemasangan antena yang salah serta pendawaian yang tidak betul atau rosak.

Radio Televisyen Brunei secara berterusan akan memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada orang ramai jika diperlukan. Orang ramai boleh juga menghubungi Radio Televisyen Brunei di talian yang telah diberikan iaitu 2225967.

Salah satu langkah yang akan diambil ialah untuk dipasang peralatan *gap failures* di kawasan yang betul-betul terjejas penerimaan siaran digital yang juga memerlukan kos pelaburan yang tinggi bagi pihak jabatan sekitar \$350,000.00 bagi setiap kawasan.

Pada masa yang sama Radio Televisyen Brunei juga sentiasa membuat pemantauan berterusan dan bersedia menerima maklum balas daripada orang ramai.

Berkaitan dengan cadangan pemberitaan mengenai tatacara pemasangan peralatan bagi penerimaan siaran digital, Radio Televisyen Brunei sering kali menyiarkan promo-promo berkaitan melalui televisyen dan media sosial Radio Televisyen Brunei yang juga ditular melalui aplikasi *whatsapp* jabatan. Jabatan akan berterusan menyiarkannya dari masa ke masa.

Dalam hal ini juga dipohonkan kerjasama orang ramai menggunakan dan memasang peralatan penerimaan yang betul dalam sama-sama mendukung slogan Radio Televisyen Brunei iaitu "Sentiasa Bersama Biskita".

Mengenai persaingan siaran Radio Televisyen Brunei dengan siaran-siaran

lain seperti televisyen *Astro* dan televisyen satelit Indonesia ditanyakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Radio Televisyen Brunei mengenai perkara ini.

Berdasarkan kajian *Audience* 2016 jumlah penonton yang menonton saluran Radio Televisyen Brunei ialah sebanyak 78% dan akhir-akhir ini jumlah tersebut meningkat kepada 95%.

Sehubungan dengan itu, Radio Televisyen Brunei berusaha untuk memperbaiki perisian program dan kualiti penerbitan dan pada masa yang sama, jabatan juga membeli rancangan yang menarik dan terkini dari luar negeri untuk menarik lebih ramai penonton. Radio Televisyen Brunei juga giat memperluas pencapaian *audience* melalui penggunaan media baharu seperti *facebook* RTB, *RTB News*, Rangkaian-rangkaian Radio, *Instagram*, *rtb.bn*, *Youtube*, RTB Media Baharu.

Radio Televisyen Brunei juga mengambil langkah ke hadapan dengan memperkenalkan *platform Live Streaming* melalui media sosial bagi acara-acara kenegaraan seperti sambutan-sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Acara-acara sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Musabaqah-Musabaqah Membaca Al-Quran dan lain-lainnya yang mana ianya mendapat jumlah

tontonan yang tinggi bukan sahaja dari dalam negeri bahkan hingga mencapai keluar negeri seperti *Amerika Syarikat* dan negara-negara Eropah.

Dalam masalah mana satu yang diutamakan ataupun pengaruh-pengaruh TV *Astro* dan satelit Indonesia. Dalam masalah ini, dimaklumi bahawasanya ada kenamengenai dengan selera ataupun kehendak penonton itu sendiri terhadap rancangan-rancangan yang diutarakan ataupun dikemukakan.

Yang paling penting ialah semangat kenegaraan kita, patriotik kita terhadap rancangan-rancangan kita sendiri dan jangan meninggalkannya kerana ada siaran-siaran lain kerana itu mungkin menjadi persoalan juga tetapi biarlah kitani menggunakan kesedaran bahawasanya siaran-siaran kita itu lebih berharga dan lebih perlu diberikan sokongan dan dukungan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai majlis rasmi yang dianjurkan oleh badan-badan dan persatuan-persatuan mahupun jabatan-jabatan menjemput pembesar-pembesar negara masih terdapat kekeliruan dan keraguan untuk menentukan tempat duduk, ketertiban dan susun acara. Ramai yang belum memahami akan cara penggunaan Adat Istiadat yang tertentu.

Adakah cadangan Unit Sebaran Dan Penerbitan untuk menerbitkan buku panduan untuk diberi secara percuma atau dijual bagi orang ramai?

Pada menjawabnya, Unit Sebaran dan Penerbitan di Bahagian Pemberigaan, Jabatan Adat Istiadat Negara, sudah pernah menerbitkan buku yang bertajuk *Kertas Kerja Ceramah dan Bengkel Adat Istiadat*.

Selain kursus-kursus dan taklimat-taklimat antara tajuk dalam buku-buku ataupun taklimat-taklimat tersebut ada menyentuh mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, termasuk tajuk susunan kedudukan jempunan dalam majlis, ketertiban dan persediaan bagi mengadakan majlis.

Untuk pengetahuan semua buku ini diberikan secara percuma kepada peserta-peserta yang mengikuti kursus dan Bengkel Adat Istiadat yang dianjurkan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara atau kerjasama dengan pihak lain. Namun demikian, buku tersebut tidak lagi diberikan pada masa ini, memandangkan terdapatnya perubahan-perubahan yang perlu diselaraskan dari semasa ke semasa termasuk mengenai susunan kedudukan jempunan, terasul dan perkara-perkara yang berkaitan.

Berhubung dengan perkara ini, bagi memberikan kefahaman tatatertib dan susunan protokol dalam majlis beristiadat dan majlis-majlis kenegaraan, Bahagian Pemberigaan secara terus menerus memberikan pencerahan dengan memberikan taklimat-taklimat mengenainya.

Bagi mana-mana pihak yang ingin mengemukakan apa jua majlis rasmi yang

melibatkan pembesar-pembesar negara, Jabatan Adat Istiadat Negara sentiasa mengalu-alukan orang ramai atau pihak berkenaan datang ke Jabatan Adat Istiadat bagi memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada penganjur majlis bagi membina dan melancarkan lagi majlis yang akan diadakan.

Dalam perkara menentukan tempat duduk para jemputan dalam majlis-majlis rasmi, pihak penganjur bersama Jabatan Adat Istiadat pada lazimnya akan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol bagi setiap majlis yang diadakan dengan melantik ahli-ahlinya yang akan berperanan sebagai menyambut tetamu kepada para jemputan yang hadir dan seterusnya membawa ke tempat duduk yang telah ditentukan bagi memudahkan menuju ke tempat masing-masing.

Sementara itu pihak jabatan juga ada menyertakan garis panduan yang berkaitan dengan tatacara menghadiri majlis yang penuh beristiadat dalam kad jemputan masing-masing sebagai rujukan yang perlu dipatuhi dalam menghadiri majlis-majlis rasmi seperti lampiran contoh pakaian yang dipakai, peraturan dalam majlis, larangan penggunaan telefon bimbit dalam majlis, waktu menghadiri undangan dan cara berpakaian dan sebagainya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim,

juga ada membawakan satu persoalan mengenai dengan paras perbezaan harga dari sebuah kedai ke sebuah kedai runcit di kampung menaikkan harga sesuka hati sehingga melebihi satu ringgit.

Terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Untuk makluman, pihak kerajaan melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, dimandatkan untuk mengawal dan memantau harga barangan tertentu di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142 iaitu seperti gula, beras, susu, tepung formula dan minyak masak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, penetapan harga maksimum tidak bermaksud kesemua kedai menjual pada harga yang ditetapkan, harga barangan yang terkawal di pasaran adalah ditentukan oleh para peniaga masing-masing asalkan tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Oleh itu, jika terdapat dan didapati ada antara peniaga-peniaga itu mengamalkan menaikkan harga barang yang melebihi daripada had yang telah ditetapkan, maka silalah buat aduan kepada pihak yang berwajib seperti polis dan kementerian-kementerian berkenaan mengenai perkara ini. Kerjasama orang ramai dialu-alukan.

Mengenai ada didapati peniaga-peniaga itu yang tidak berlesen atau sebagainya

sekali lagi elok perkara ini diadukan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan kaola rasa perkara ini boleh juga diberikan pencerahan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan sedikit penerangan.

Kaola tadi ada menyebutkan tentang tatacara operasi standard mengenai dengan tuduhan-tuduhan mengenai perkara-perkara yang tular di media-media maklumat ataupun media-media perhubungan. Jabatan Perdana Menteri mengambil maklum mengenai ketularan maklumat yang tidak sahih yang semakin berleluasa kebelakangan ini. Secara ringkasnya *SOP* bagi menangani perkara ini telah disediakan seperti berikut:

1. Kementerian-kementerian telah diberikan mandat dan bertanggungjawab untuk meneliti dan menilai berita atau maklumat yang difikirkan palsu berkenaan agensi masing-masing yang disebarkan melalui laman-laman sesawang atau media sosial;
2. Kementerian-kementerian seterusnya akan mengambil tindakan segera dan mengeluarkan kenyataan balas atau *response statement* serta membuat pembetulan-pembetulan yang bersesuaian dan menyebarkannya melalui media-media yang ada;
3. Jika ia disebarkan melalui laman-laman sesawang kementerian-kementerian akan berkerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri

dengan pihak berkuasa Industri Teknologi Info Komunikasi *IT* bagi tindakan lanjut; dan

4. Maklum balas yang akan dikeluarkan hendaklah antara lain menyatakan bahawa berita atau maklumat yang disebarkan tidak benar dan seterusnya membuat pembetulan ke atas kenyataan-kenyataan palsu yang disebarkan.


Selain itu, Jabatan Perdana Menteri dan kementerian yang bertanggungjawab dengan penerangan dan *ICT* juga masih dalam perancangan untuk merangka panduan penggunaan media sosial yang berhemah. Jabatan Perdana Menteri juga melalui agensi yang berkenaan mempunyai perancangan bagi menyediakan satu *portal online* bagi menangani isu berita-berita yang ditular di media-media termasuklah melalui akaun-akaun media sosial dan *Whatsapp*.

Satu persoalan juga dibawakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam, 9/008 - Sumber Tenaga Manusia, mengenai jawatan masih dipangku berpanjangan.

Pada menjawabnya menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri. Bilangan 4/2008, bertarikh 11 Mac 2008, dalam apa jua keadaan, ketua jabatan hendaklah memastikan hanya pegawai yang paling layak dan sesuai yang diperakukan sahaja disokong dan dibenarkan memangku.

Lantikan memangku bagi pegawai yang lain hanya dapat diberikan jika pegawai yang paling layak dan sesuai tersebut tidak ada. Bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seseorang pegawai untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya secara berpanjangan *substantive acting* atau melebihi 180 hari hendaklah lebih dahulu mendapat kebenaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti mana kandungan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/2008 berkenaan.

Sebab-sebab pegawai berkenaan ditetapkan dalam jawatan yang dipangku untuk sekian lama. Walaupun setelah memangku berpanjangan seperti berikut:

1. Belum memenuhi Syarat Skim Perkhidmatan dalam jawatan berkenaan. Seperti keperluan sijil-sijil yang dikehendaki iaitu mengikuti Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan atau kursus yang berkaitan;
2. Prestasi belum mencapai tahap yang  dikehendaki untuk ditetapkan dalam jawatan berkenaan; dan
3. Sokongan dari kementerian atau jabatan perlu ada. Walaupun sokongan dan penetapan jawatan bagi lantikan memangku secara *substantive* ini tertakluk kepada berkenaan yang akan dihadapkan kepada SPA melalui Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam. Perkara ini perlu juga disemak dari perkara-perkara yang telah kaola sebutkan tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola rasa rakan-rakan kaola dari Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan memberikan beberapa tambahan kepada perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan soalan-soalan yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dipersilakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan keterangan menjawab soalan-soalan yang telah pun disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang semalam dan jawapan-jawapan yang kita ketahui jawapan-jawapan yang panjang lebar yang telah pun dikemukakan itu. Dan sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian untuk membuat kenyataannya.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan menjawab 18 soalan yang dikemukakan oleh 10 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh beberapa isu seperti strategi negara, perubahan iklim, kemudahan pekerja tempatan, Projek Pembinaan Loji Penapis Minyak di Pulau Muara Besar, Skim Pinjaman Kewangan Peniaga dan hal-ehwal tenaga elektrik. Kaola lebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak

terima kasih atas soalan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut:

Daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Strategi Iklim Perubahan Negara. Negara Brunei Darussalam telah menandatangani projek pada 22 April 2016. Soalannya yang dapat diberikan ataupun diterangkan apakah strategi negara dalam perkara ini sebagai salah sebuah ahli sebuah negara menandatangani Perjanjian *Paris*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan mula menjawab mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim dan Perjanjian *Paris* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Lebih dahulu izinkan saya memberikan sedikit penjelasan terhadap komitmen negara terhadap Perjanjian *Paris*. Pada masa ini, negara adalah *National Determine Contribution* kepada Sekretariat Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas perubahan iklim iaitu *United Nations Framework Climate Change*.

Laporan ini akan menyatakan strategi-strategi serta negara-negara bagi mengurangkan pelepasan ke arah menuju matlamat Perjanjian *Paris*. Persediaan ini, perkembangan dan kemajuan industri negara akan dititikberatkan.

Sehubungan dengan itu, antara langkah yang sudah dikenal pasti bagi mengurangkan pelepasan karbon negara adalah seperti berikut:

1. Mengenai perancangan gas buangan iaitu *waste gas*. Sasaran adalah untuk mengurangkan pengeluaran gas hijau sebanyak 25%-30% dari industri minyak dan gas melalui pengurangan dan pemberhentian gas buangan yang melalui proses *venting and firing*.
2. Sasaran negara untuk mengurangkan intensiti kepada 45% menjelang tahun 2035 berbanding dengan paras tahun 2005. Pelaksanaan ke arah ini adalah melalui inisiatif, kecekapan dan perkhidmatan tenaga. Termasuk dasar dan rangka kerja pengawalseliaan kecekapan dan penjimatan tenaga bagi bangunan dan *standard* pelabelan tenaga;
3. Sasaran bagi *renewable energy* iaitu tenaga boleh diperbaharui bagi meningkatkan sumbangannya kepada sekurang-kurangnya 10% dalam campuran penjanaan tenaga pada tahun 2035. Salah satu pemboleh cara penting bagi mencapai sasaran ini dengan Program *Feed in Stock*. Pihak kerajaan pada masa ini masih meneliti yang akan membolehkan orang ramai menjana kuasa elektrik dari *renewable energy* dan seterusnya menyalurkannya ke gred kebangsaan;

4. Untuk meningkatkan liputan hutan peningkatan negara dari 41%-55% dari keseluruhan kawasan tanah;
5. Terakhir sekali bagi meningkatkan kesedaran awam kerjasama akan diteruskan dengan kesemua pihak berkepentingan terutamanya penuntut sekolah dan orang awam bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya usaha sama dalam menangani isu perubahan iklim.
6. Program Pemberigaaan untuk menyampaikan tatacara dan amalan baik bagi penggunaan tenaga elektrik yang berhemah dan efisien sedang dan akan terus dijalankan melalui institusi perkhidmatan awam, Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi, penghulu dan ketua kampung.

Di samping itu, beberapa pengauditan tenaga juga telah dijalankan di jabatan-jabatan kerajaan secara berperingkat-peringkat.

الحمد لله dengan adanya kesedaran tersebut penjimatan tenaga elektrik di bangunan-bangunan kerajaan telah dicapai sebanyak 6.9% bersamaan dengan penjimatan sebanyak 6kilowatt/hours atau 6 juta ringgit Brunei setahun. Kesemua langkah-langkah yang dinyatakan tadi memainkan peranan penting dan menjurus ke arah penurunan pelepasan karbon.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang Zon 1 Daerah Belait. Soalan Yang Berhormat ialah mengenai kemudahan-kemudahan kepada pekerja-pekerja tempatan dan diperseimbangkan sebagai satu skim kemudahan dan kesejahteraan kepada pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta di negara ini.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, perkara ini juga melibatkan beberapa agensi yang lain selain Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Antara inisiatif yang diberikan khusus bagi pekerja tempatan adalah seperti penggubalan dan pelaksanaan Akta Caruman Pekerja atau satu Skim Kumpulan Wang Pekerja iaitu Caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan *Supplemental Contributory Pension Scheme* (SCP).

Inilah satu usaha yang berkaitan dengan kebajikan rakyat dan selaras dengan perkembangan anak-anak tempatan. Penubuhan skim ini memberikan kemudahan perlindungan sosial bagi menampung keperluan hari tua pekerja tempatan. Selain skim TAP dan SCP, skim-skim latihan seperti program latihan pembinaan di Pusat Pembangunan Kapasiti juga menyediakan *top-up* bagi pelatih-pelatih lepasan yang berjaya menamatkan latihan bagi tempoh selama tiga tahun. Bagi pelatih Pusat Pembangunan Kapasiti yang mempunyai kelulusan Diploma Kebangsaan Tertinggi (*Higher National Diploma*) mereka akan

menerima *top-up* pada gaji bulanan sebanyak \$500.00.

Manakala mereka yang berkelulusan teknikal dan vokasional kebawah menerima sebanyak \$300.00. *Top-up* ini hanyalah khusus bagi pekerja tempatan dan tidak dihulurkan kepada pekerja asing. Selain yang dinyatakan di atas, beberapa agensi yang berkepentingan akan mengkaji dan meneliti kesesuaian kemudahan-kemudahan yang lain seperti mana yang diterima oleh pekerja asing.

Soalan yang diterima daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara. Projek Hengyi di Pulau Muara Besar. Ada lapan soalan mengenai Pulau Muara Besar dengan Syarikat Hengyi Berhad.

Soalan pertama apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan di Pulau Muara Besar?

Adakah pihak anggota keselamatan negara seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dilibatkan sama bagi menguatkan lagi tahap keselamatan PMB seperti mana yang telah dibuat oleh negara-negara jiran bagi menjaga keselamatan pekerja-pekerja dan aset negara ini juga?

Untuk makluman Majlis jua, Syarikat Hengyi Industri Sendirian Berhad adalah usahasama antara Syarikat Zhi Jiang

Hengyi dari Republik Rakyat China selaku pemegang saham sebanyak 70% dan *Damai Holdings Limited Dana Strategic Development Capital* di bawah Kementerian Kewangan memegang saham sebanyak 30%. Menyentuh kepada soalan mengenai isu-isu keselamatan di Pulau Muara Besar.

Perkara ini amatlah diambil berat dan langkah-langkah pemerhatian oleh beberapa agensi keselamatan akan sentiasa diperbaiki bagi mengambil kira perkara perkembangan PMB agar memelihara kedaulatan, keamanan dan kemakmuran negara serta rakyat dan penduduk.

Sebuah jawatankuasa khusus bagi hal-ehwal keselamatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja di PMB juga telah ditubuhkan yang terdiri daripada 16 agensi keselamatan dan penguatkuasaan serta agensi berkepentingan termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri bagi memantau perkara ini secara berterusan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan untuk memastikan undang-undang negara dipatuhi dan dimartabatkan ialah penempatan pos kawalan tetap di Pulau Muara Besar bagi Pasukan Polis Diraja Brunei dengan pengawalan sepanjang 24 jam.

Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei menjalankan *joint-op* bersama agensi-agensi penguatkuasaan beberapa kali.

Pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga ditempatkan di Pulau Muara Besar untuk mengawal keluar masuk barang dan orang di Pulau Muara Besar.

Di samping itu, pihak Polis Marin juga kerap kali menjalankan rondaan di perairan persekitaran Pulau Muara Besar. Taklimat keselamatan, undang-undang dan peraturan dijalankan oleh beberapa agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh.

Taklimat kepada pekerja-pekerja asing di PMB juga telah diadakan di Pulau Muara Besar oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk memberikan kefahaman mengenai undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terus menjalankan penyaringan pas pekerja-pekerja asing yang bekerja di Pulau Muara Besar dengan kerjasama pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan pihak Jabatan Buruh. Setakat 27 Februari 2018 terdapat 8,496 orang pekerja berada di Pulau Muara Besar. Di samping itu, di bawah *workplace safety dan Health Order* 2009 Pulau Muara Besar diklasifikasikan sebagai

workplace dan seterusnya merupakan Zon Larangan Minuman Keras.

Adakah semua kemasukan jentera perkakas dan alat-alat pembangunan serta kapal-kapal yang diberi kebenaran terus berlabuh di Pulau Muara Besar diperiksa dengan rapi oleh pegawai-pegawai kastam dan keselamatan? Mengenai persoalan pemeriksaan barang-barang dan kapal-kapal yang keluar masuk di Pulau Muara Besar seperti mana dimaklumkan Pegawai Kastam telah pun ditempatkan di Pulau Muara Besar seperti mana dimaklumkan tadi pegawai kastam telah pun ditempatkan di Pulau Muara Besar. Bagi soalan ini, keterangan lanjut akan disampaikan oleh rakan sekerja saya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II;

Adakah perjanjian Syarikat Hengyi bagi memberi peluang pekerjaan dan perniagaan bagi anak-anak tempatan dipantau oleh pihak-pihak tertentu?. Adakah statistik jumlah pekerjaan tempatan yang ada buat masa ini?

Seterusnya menyentuh pada soalan pemantauan peluang pekerjaan hasil perjanjian Syarikat Hengyi dan jumlah pekerja tempatan pada masa ini di bawah perjanjian pelaksanaan yang telah ditandatangani dengan Syarikat Hengyi. Komitmen telah dibuat untuk menyediakan pekerja tempatan iaitu syarikat berkenaan akan menempatkan 80% pekerjaan untuk anak tempatan dalam masa 15 tahun beroperasi.

Pada masa ini Syarikat Hengyi telah menempatkan seramai 180 orang anak tempatan iaitu 37% daripada 484 pekerja. Perkembangan mengenainya dipantau oleh Jawatankuasa *Local Business Development* bagi memastikan Syarikat Hengyi memaksimumkan penggunaan pekerja tempatan serta produk dan perkhidmatan dari syarikat-syarikat tempatan iaitu *local content*.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk mempercepatkan pencapaian sasaran 80% ini. Antaranya adalah Syarikat Hengyi dengan usaha sama Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menawarkan program biasiswa kepada mahasiswa Program *Chemical Engineering* dari UBD menyambung pelajaran mereka di Universiti Zhejiang di Republik Rakyat China selama setahun enam bulan. Setakat ini, seramai 64 penuntut UBD telah ditawarkan biasiswa dari Syarikat Hengyi .

Selain itu, Syarikat Hengyi juga telah mengambil graduan *Industry competency framework* melalui *Program Intake Plan Engineering* seramai 43 orang dan Syarikat Hengyi juga telah menjanjikan sebanyak 150 tawaran pekerjaan bersyarat *conditional offer of employment* melalui pusat pembangunan kapisiti untuk menjadi pengendali loji atau Plan operator. Pengambilan pertama seramai 75 akan bermula pada Julai 2018. Program ini akan dijalankan selama 2 tahun.

Berkenaan dengan pekerja-pekerja tempatan bagi membangun loji penapis minyak ini pekerja sementara.

Kaola sekarang ingin menjawab soalan mengenai pekerja-pekerja anak tempatan lepasan Pusat Pembangunan Kapisiti selepas tamatnya fasa pembinaan Hengyi. Konsep *rollover* dipraktikkan dalam projek pembangunan loji penapis minyak ini. Konsep rollover ini adalah penempatan pekerja-pekerja ini ke syarikat-syarikat lain termasuklah syarikat Pelaburan Langsung Asing yang lain ataupun dalam sektor pembinaan secara am setelah tamatnya kontrak mereka di projek Syarikat Hengyi bagi menjaminkan *job security*.

Proses *rollover* ini akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Di samping itu, tertakluk kepada prestasi pekerja tempatan berkenaan pihak Hengyi akan memilih dan melatih semula sebahagian daripada mereka bagi menyertai tenaga kerja pada fasa operasi.

Apakah sumbangan-sumbangan jangka panjang dari segi ekonomi dan negara khususnya penduduk di sekitar Muara oleh Syarikat Hengyi selain pekerja atau peniagaan dan yang dijanjikan. Seterusnya kaola menyentuh soalan sumbangan jangka panjang dari segi ekonomi kepada negara khususnya penduduk di sekitar Muara oleh Syarikat Hengyi di luar perjanjian Syarikat Hengyi.

Semasa fasa pembinaan kilang berkenaan jumlah pekerja dijangka akan mencapai 10,000 orang yang akan meningkatkan aktiviti syarikat perkhidmatan tempatan untuk menampung keperluan pekerja-pekerja di Pulau Muara Besar. Antara lain, perkhidmatan yang sedang digunakan termasuk perkhidmatan katering, penginapan, pengangkutan, perubatan, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan kerja-kerja sivil dan pembersihan.

Selain itu, perniagaan-perniagaan kedai runcit dan kedai makan di Mukim Muara juga akan meningkat. Semasa fasa operasi pula, jumlah pekerja dijangka akan mencapai seramai 1,600 orang yang juga akan terus memerlukan perkhidmatan yang sama bagi penggunaan harian selanjutnya. Sebanyak sumbangan *corporate social responsibility*.

Syarikat Hengyi juga telah menawarkan program biasiswa kejuruteraan kepada 5 kumpulan pelajar 68 orang pelajar dari UBD sejak bulan Februari 2014 yang program biasiswa tersebut termasuk Latihan Industri di kilang petrokimia *Zhejiang Petrochemicals Company Limited* di Republik Rakyat China selama 6 bulan. Setelah mereka selesai dengan program tersebut mereka akan bekerja sepenuh masa di Hengyi. Selain daripada itu, pihak Hengyi bekerjasama dengan pusat perkembangan kapasiti dan institut Pendidikan Teknikal Brunei untuk menawarkan peluang pekerjaan untuk pekerja-pekerja tempatan.

Adakah perbincangan dengan orang tempatan dipelawa ikut serta bagi membiayai pinjaman kewangan untuk projek Syarikat Hengyi. Mengenai soalan pembiayaan pinjaman kewangan projek Syarikat Hengyi pada masa ini pihak Hengyi sudah dalam perbincangan lanjut dengan salah sebuah bank tempatan bagi mendapatkan pembiayaan bagi projek kilang penapisan minyak di Pulau Muara Besar berkenaan.

Di samping itu jua, pihak Hengyi telah berbincang dengan beberapa institusi-institusi kewangan yang lain di Negara Brunei Darussalam untuk turut serta dalam pembiayaan projek tersebut. Semasa operasi nanti Hengyi juga akan memerlukan *credit facility* bagi menampung operasi perniagaan minyak mentah dan *refined products*.

Ini akan memberikan lebih banyak peluang lagi bagi institusi-institusi kewangan tempatan untuk turut serta dalam pembiayaan Hengyi.

Adakah mutu pembangunan dari segi penggunaan *raw materials* dan hasil yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor Cina mengikut prestasi antarabangsa dan diluluskan menurut standard antarabangsa?

Soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Othman mengenai adakah *raw materials* bagi projek *Hengyi* ini mengikut piawaian antarabangsa. Pihak Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian telah mengambil khidmat pakar yang

berperanan sebagai projek *compliance team* untuk memastikan reka bentuk dan peralatan yang digunakan serta kualiti bahan fabrikasi adalah setanding dengan piawaian antarabangsa.

Ini termasuk membuat pemeriksaan ke atas peralatan dan jentera yang kritikal yang dibuat di luar negeri. Projek *compliance steam* juga melapor pada satu *panel review* yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dan diselenggarakan oleh *FDI Actions and Support Centre (FASC)*. Pada masa yang sama Syarikat Hengyi juga diperlukan untuk memenuhi peraturan *control of major accident hazard* di bawah akta *Work Health Safety Order 2009* bahawa Syarikat Hengyi dipertanggungjawabkan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja;

Adakah Pulau Muara Besar akan dijadikan sebagai sebuah Zon Bebas Cukai untuk kesenangan pihak Syarikat Hengyi dalam jangka panjang?

Menyentuh kepada soalan sama adakah Pulau Muara Besar akan dijadikan sebagai Zon Bebas Cukai. Bagi soalan ini, keterangan lanjut akan disampaikan oleh rakan sekerja saya Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim Bokok, berkenaan batu kerikil Temburong. Salah satu hasil Daerah Temburong ialah batu kerikil. Walaupun masa kini agak berkurangan hasil batu kerikil tersebut.

Walaupun demikian masih terdapat batu pasir yang masih banyak yang boleh diolah menjadi batu-bata. Seperti yang difahamkan ada syarikat yang berminat untuk mengusahakan batu-bata dari batu pasir daripada ia terbiar begitu saja.

Soalan ini akan dibahagikan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Abd Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjung Maya Zon 1 Daerah Tutong. Pada pertengahan tahun 2017 yang lalu hampir 100 orang pengusaha kecil dan sederhana seluruh negara yang terpilih iaitu yang memenuhi syarat produk-produk mereka itu bukan saja dipasarkan dalam negara tetapi di luar negeri yang rombongan itu termasuk pengusaha-pengusaha dari Majlis Perundingan Mukim.

Soalan Yang Berhormat, apakah urutan yang dibuat kepada pengusaha-pengusaha ini bagi memperkasakan lagi hasil produk mereka bukan sahaja mereka ini dapat memasarkannya di dalam negeri tetapi juga mengeksport ke luar negara.

Kaola sekarang akan menjawab soalan-soalan berkaitan dengan pengusaha-pengusaha tempatan bermula dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Abd Wahab bin Apong mengenai urutan bagi memperkasakan hasil produk pengusaha-pengusaha kitani bagi tujuan eksport keluar negara.

Selepas pengusaha-pengusaha menghadiri ekspo antarabangsa, pihak *Darussalam Enterprise* akan mendapatkan maklum balas para pengusaha dan juga memberi nasihat untuk mengikuti kursus-kursus *Industry Business Academy* anjuran *Darussalam Enterprise* yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi kualiti hasil produk mereka. Antara kursus-kursus di bawah program ini adalah bengkel-bengkel peningkatan kualiti pembungkusan produk-produk.

Bengkel-bengkel pembungkusan bagi peniaga-peniaga tempatan telah dijalankan sebelum ini dengan pakar-pakar dari Jepun dan telah disertai oleh lebih kurang 100 pengusaha mikro kecil dan sederhana termasuk Majlis Perundingan Kampung yang kebanyakan daripadanya telah mengikuti ekspo perdagangan di Republik Rakyat China, Jepun dan Pulau Pinang, Malaysia. Kursus logistik juga dikendalikan melalui program industri *3 business academy* yang menyentuh pelbagai aspek logistik eksport antarabangsa terutama untuk *e-Business*.

Pada masa yang sama *Darussalam Enterprise* dan Pusat Kebangsaan bekerjasama bagi melaksanakan sebuah program yang bertujuan bagi pengusaha mikro kecil dan sederhana mendapatkan Piawaian Pensijilan Antarabangsa yang akan meningkatkan lagi kualiti produk tempatan serta potensi industri tempatan dan pasaran eksport.

Sebagai contoh, perkhidmatan bantuan dalam bidang pemakanan standard yang sering diperlukan dalam peringkat antarabangsa adalah seperti *good manufacturing practices, hazzard analysis dan critical control point serta ISO 22000 2015 food safety management system*.

Nasihat juga diberikan oleh *Darussalam Enterprise* secara *one-on-one basis* untuk memperbaiki lagi hasil produk mereka. Usaha-usaha ini akan diteliti lagi oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi memastikan bahawa pengusaha tempatan akan terus mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran dan pemasaran produk-produk mereka.

Soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Osman @ Othman, adakah pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sudah berfikir untuk menyediakan Skim Pinjaman Kewangan bagi berniaga seperti kedai-kedai runcit ataupun *mini-mart*, kedai jahit ataupun *hardware* dan lain-lain? Untuk membantu bakal pengusaha untuk memulakan perniagaan, *Darussalam Enterprise* telah menyediakan skim pembiayaan mikro kredit dengan kerjasama *Bank Islam Brunei Darussalam PMKS* boleh memohon pinjaman sebanyak \$15 ribu maksimum.

Kadar faedah pembayaran balik juga di tahap yang rendah iaitu 40% setiap tahun dan tiada cagaran diperlukan. Objektif skim ini untuk memberi akses pembiayaan *PMKS* yang berpotensi untuk membuat pinjaman bagi

pertumbuhan perniagaan mereka seperti pengubahsuaian premis perniagaan mereka, pelaburan, pembungkusan dan penjenamaan, pembelian mesin dan sebagainya.

Setakat ini, ia telah menyalurkan pembiayaan berjumlah \$563,000.00 kepada 59 buah *PMKS* tempatan sejak pelancarannya pada Oktober 2016, termasuk perusahaan kedai runcit, cuci kereta, restoran, perniagaan di Pasar Pelbagai Barangan, Gadong dan sebagainya. Bagi membantu para *PMKS* untuk mendapatkan pembiayaan yang diperlukan pihak *Darussalam Enterprise* akan membuka lebih banyak peluang pembiayaan melalui saluran-saluran pembiayaan yang difikirkan bersesuaian dengan keperluan perniagaan.

Selain menyediakan skim-skim pinjaman kewangan *conventional*, pihak *Darussalam Enterprise* akan menggalakkan perusahaan-perusahaan tempatan untuk mendapatkan pembiayaan melalui sumber kewangan alternatif seperti *venture capital* dan *angel investor* yang pelaburan-pelaburan seperti ini akan dapat meningkatkan keupayaan syarikat melalui penyertaan pelabur dalam sama-sama membangunkan potensi perniagaan ke tahap perkembangan yang lebih strategik termasuk potensi eksport.

Di samping itu, sebagai salah satu *Plan Darussalam Enterprise* bagi tahun 2018 dalam usahanya untuk membantu memperluaskan pengetahuan kemahiran dan keupayaan para *PMKS* tempatan

termasuk individu yang berminat untuk memulakan perniagaan, *Darussalam Enterprise* juga akan melancarkan geran pembiayaan *comatching* iaitu *Darussalam Enterprise* akan menyumbang lebih dari 50% dari jumlah pembiayaan yang diperlukan dengan jumlah yang maksimum \$20 ribu. Manakala, selebihnya disumbangkan oleh pengusaha itu sendiri.

Dengan ini, ia bertujuan meningkatkan kadar pengeluaran memperbaiki produktiviti dan mempertingkatkan kualiti pembungkusan dan penjenamaan produk *PMKS*.

Sekarang, kaola akan beralih kepada soalan dan saranan yang berkaitan dengan hal-ehwal tenaga elektrik. Lebih dahulu kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas sokongan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berhubung dengan inisiatif *whatsapp group* dengan ketua-ketua kampung. Ia tidak dapat dijayakan tanpa adanya sokongan dan kerjasama padu daripada pihak Yang Berhormat, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan juga anak buah kampung terutama sekali pada melaporkan gangguan bekalan atau mengongsikan apa jua isu yang berkaitan dengan perkhidmatan elektrik.

Diharapkan kerjasama ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang. Dalam kesempatan ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik komited untuk sentiasa berusaha bagi memperbaiki kaedah perkongsian

maklumat dan menggunakan teknologi *ICT* bagi memberi perkhidmatan berkesan tanpa mengabaikan cara-cara *conventional* yang sedia ada.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai, Daerah Tutong. Soalan Yang Berhormat iaitu adakah cadangan menghidupkan semula lampu-lampu di kawasan yang dimaksudkan termasuk sebahagian kawasan letak kereta waktu kecemasan di lebuh raya? dan adakah cadangan untuk memberikan bekalan tenaga elektrik Jalan Long Mayan, Merangking supaya sebahagian penduduk-penduduk di kawasan tersebut terdapat bekalan elektrik tersebut?

Untuk makluman Yang Berhormat, penyalaan lampu secara berselang seli ini adalah salah satu inisiatif kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan di samping menjimatkan penggunaan tenaga elektrik secara keseluruhan. Sehingga kini, pihak kerajaan telah berhasil menjimatkan lebih kurang \$36 juta setahun.

Inisiatif ini adalah usaha minimum dari pihak-pihak kerajaan dalam membantu mengurangkan perbelanjaan negara dengan memastikan keselamatan dan kepentingan orang awam tetap dijaga.

Walau bagaimanapun, penutupan berselang seli ini tidak melibatkan Kawasan-kawasan strategik seperti simpang-simpang utama, selekoh tajam, simpang masjid, simpang sekolah, *flyover* dan kawasan-kawasan lain yang

boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga telah melaksanakan inisiatif bagi menyalakan lampu jalan secara berselang seli iaitu diubah setiap 6 bulan sekali yang lampu-lampu yang tidak menyala pada masa ini akan dinyalakan setelah 6 bulan akan datang.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat untuk menghidupkan semula lampu-lampu kawasan bandar bagi menceriakan kawasan tersebut. Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) akan meneliti kesesuaiannya dan akan mengambil langkah-langkah yang berpatutan.

Hal yang serupa juga akan dibuat bagi lampu-lampu di letak kereta sekiranya ia di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE). Manakala bagi pembekalan tenaga elektrik di sepanjang jalan penghubung Long Mayan ke Merangking, untuk makluman Yang Berhormat Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) mengenal pasti terdapat beberapa buah rumah di kawasan tersebut yang terletak dalam rangkaian pembahagian jabatan. Jabatan bersedia untuk memberi bekalan ke rumah-rumah tersebut sekiranya menerima permohonan mendapatkan bekalan elektrik seperti lazimnya.

Kebenaran penyambungan bekalan tersebut tertakluk pada kebenaran lanjut dari agensi-agensi kerajaan yang lainnya seperti Jabatan Tanah, Autoriti

Kawalan Bangunan Dan Industri Pembinaan *ABCi* dan sebagainya. Bagi rumah-rumah yang di luar rangkaian pembahagian jabatan pula, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) akan meneliti kesesuaian pemasangan sistem alternatif seperti sistem solar, seperti yang sedang dalam pelaksanaan di Supon besar dan Ulu Belait pada masa ini.

Soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) ada menempatkan sebuah mesin untuk mendapatkan unit bekalan elektrik itu hanya sebuah.

Dalam usaha yang berterusan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) bagi memudahkan orang ramai membuat pembelian kredit prabayar jabatan telah menyediakan mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*) yang beroperasi selama 24 jam. Mesin-mesin tersebut kini beroperasi di tempat berikut:

1. Cawangan Ibu Pejabat Berakas;
2. Cawangan Seria;
3. Cawangan *DST* Tanjung Bunut; dan
4. Cawangan *DST* Tutong iaitu *Central Mall*.

Di samping itu jabatan juga dalam pelaksanaan bagi menambah sebuah lagi mesin deposit tunai (*cash deposit machine/ CDM*) di cawangan *DST* Daerah Temburong yang dijangka akan beroperasi pada bulan April 2018. Manakala sebuah lagi mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*)

dicadangkan untuk ditempatkan di cawangan *DST* Kampung Rimba dan tarikh beroperasi akan dimaklumkan kemudian.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, sebagai alternatif tambahan pada mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*) pembelian juga boleh dibuat melalui *power* kad yang boleh didapati di kedai-kedai runcit. *Online banking* dan kaunter-kaunter Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) di seluruh negara. Mengenai wang kertas yang ditolak oleh mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*) pula penaiktarafan kepada mesin deposit tunai (*cash deposit machine/ CDM*) perlu dibuat bagi membolehkan untuk mengenal pasti dan menerima wang kertas baharu.

Ini melibatkan kos sebanyak kira-kira US\$18 ribu iaitu \$25 ribu duit Brunei bagi sebuah mesin memandangkan kos penaiktarafan sangat tinggi Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) akan menilai kesesuaiannya dengan mengambil kira perbelanjaan dengan berhemah dan keperluan sebenar untuk ianya dibuat. Mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*) ini adakalanya perlu diselenggarakan jika sampai waktunya.

Walau bagaimanapun tempoh membaik pulih mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*) yang mengalami kerosakan pada kelazimannya tidak mengambil masa yang lama.

Mengikut statistik jabatan jumlah pelanggan yang menggunakan mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*) ini hanyalah ramai pada 1 hari bulan sahaja setiap bulan dan pada hari-hari lain, kadang-kadang tiada pelanggan langsung.

Oleh yang demikian, keperluan bagi penambahan di tempat lain akan dikaji kesesuaiannya dengan mengambil kira kos pemeliharaan dan operasi. Orang ramai digalakkan untuk turut mengguna pakai kaedah lain seperti yang dinyatakan tadi untuk mengelakkan kelamaan menunggu pengguna mesin deposit tunai (*cash deposit machine/CDM*).

Soalan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput Ketua Kampung Labi 1 Zon 2 Daerah Belait *street lighting highway*. Apakah ia termasuk untuk meluluskan pembinaan Projek Pemasangan *Street Lighting* dari jalan masuk Sungai Liang ke Labi? Jawapan kaola yang terakhir adalah mengenai pemasangan lampu jalan raya di jalan masuk dari Sungai Liang ke Labi serta saranan-saranan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput yang mencerminkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap kesejahteraan penduduk Mukim Labi.

Projek fasa pertama pemasangan lampu di jalan Simpang Sungai Liang, Jalan Labi, Jalan Merangking dan Bukit Sawat sepanjang 2.4 km siap dilaksanakan pada Januari 2018. Fasa kedua sepanjang 1.3 km dijangka siap pada pertengahan Julai 2018. Manakala fasa

terakhir dirancang untuk menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN 11) dan dijangka siap pada Mac 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat, 7 buah projek pemasangan lampu awam telah siap dilaksanakan sepanjang tahun 2017 dan awal tahun 2018. Sebuah projek lagi akan dilaksanakan yang menggunakan peruntukan Tahun Kewangan 2018/2019 iaitu jalan Penghubung Sungai Liang Telisai sepanjang 840 meter telah siap dilaksanakan 19 April 2017. Jalan Masjid Luagan Duduk di Kampung Simbatang sepanjang 1.04 KM telah siap dilaksanakan pada 30 Mei 2017.

Jalan Kecil Serambangun di jalan Kampung Lubok Pulau sepanjang 2.4 km telah siap dilaksanakan pada 27 Julai 2017. Mumong *by pass* hingga Seria *by pass* sepanjang 13 km telah siap pada 9 Disember 2017. Jalan Batang Duri sepanjang 3 km telah siap pada 3 Disember 2017.

Pemasangan 17 unit lampu solar *LED* di Ulu Belait yang siap pada 20 Mei 2017. Lebuhraya Jerudong Tungku dan sebahagian Jalan Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah sepanjang 6 km telah siap dilaksanakan pada 31 Januari 2018. Sebahagian Jalan Lumapas dari Kampung Buang Tengkuruk ke Kampung Sungai Kebun sepanjang 1.6 km. Projek ini akan bermula pada bulan Mei 2018. Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) akan bekerjasama dengan agensi perlaksanaan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya bagi mengenal pasti

keperluan pemasangan lampu di jalan-jalan yang akan dibina.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat mengenai Peruntukan Khas bagi Projek Pemasangan Lampu Di Jalan-Jalan Baharu untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik tidak mempunyai peruntukan khas tersebut dan menghargai cadangan Yang Berhormat bagi mengadakan perbelanjaan khusus bagi Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menangani projek di luar jangkaan. Perkara ini akan dibincangkan dengan pihak Kementerian Kewangan mengenainya. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekian jua yang dapat peramba/kaola/saya kongsikan sebagai menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar jawapan-jawapan yang panjang lebar daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dan kita masih lagi mempunyai seorang menteri yang suka untuk memberi penerangan dan seterusnya beberapa orang ahli telah menyuarakan berkeinginan mereka untuk mengemukakan beberapa pertanyaan mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan.

Walau macam manapun saya ingin meningkatkan supaya perbincangan kita

itu harus ditumpukan kepada perkara-perkara yang belum lagi disentuh dan juga perkara-perkara yang ada hubungannya dengan bajet yang kita kemukakan.

Seterusnya bagi jawapan-jawapan yang akan diberikan ada baiknya ditumpukan kepada soalan-soalan yang dikemukakan itu dan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat suka untuk memberikan penerangan yang lebih panjang ataupun keterangan-keterangan yang lebih terperinci maka bolehlah dikemukakan perkara tersebut secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Kita mempunyai kesuntukan masa untuk menyelesaikan bajet yang kita hadapi ini untuk membolehkan kita meluluskannya secepat yang mungkin bagi kepentingan kesejahteraan dan perjalanan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana fiskal Tahun Kewangan kita bermula dari 1 April 2018 ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, cukup sahaja dulu kita berbincang di Peringkat Jawatankuasa ini dan saya tangguhkan, kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya berpendapat ada baiknya persidangan ini kita tangguhkan dulu untuk kita berehat sebelah tengah hari. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Sekian **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)